



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

**MAJLIS PENYAMPAIAN KELULUSAN PROJEK BAIK PULIH
PRASARANA SEKOLAH**

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi hari ini telah menyampaikan kelulusan 10 buah projek fizikal di bawah Peruntukan Projek Kecil Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bagi baik pulih prasarana melibatkan 10 buah sekolah di daerah Klang, Selangor. Kelulusan projek fizikal ini dengan jumlah sebanyak RM1,796,000.00 bakal memberi kemudahan yang lebih selesa dan memenuhi keperluan para pelajar dan guru-guru. Antara projek baik pulih yang akan dilaksanakan ialah pemasangan pagar, pembinaan kantin, baik pulih kerosakan fizikal bangunan, pembinaan dataran berbumbung, menaik taraf makmal sains dan menaik taraf infrastruktur sekolah (senarai kelulusan projek Lampiran 1).

Kelulusan projek-projek ini adalah berdasarkan permohonan sumbangan daripada pihak sekolah dan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) sekolah yang terlibat. Setelah semakan dan penilaian dijalankan bersama Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri berhubung permohonan tersebut, projek-projek ini telah diluluskan oleh MEA memandangkan terdapat keperluan mendesak untuk dilaksanakan.

Program turun padang bagi penyampaian kelulusan projek dan ramah mesra yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Gadong, Klang kepada 10 sekolah ini juga bertujuan untuk merapatkan ukhuwah pemimpin bersama masyarakat, di samping mengeratkan jalinan kerjasama antara warga pendidik, ibu bapa, para pelajar serta penduduk setempat. Objektif program hari ini juga adalah selari dengan hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Turut hadir adalah YB Datuk Abdul Rashid Asari selaku Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussen, Ketua Setiausaha MEA, YBhg. Datuk Ruzain Idris, Pengarah Pembangunan Negeri Selangor mewakili Ketua Pengarah ICU, Jabatan Perdana Menteri serta wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

12 Oktober 2019